

kosmo, 4/11/2020, M/S 13

Buang sofa dalam longkang punca banjir

Tular

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

PETALING JAYA – Tindakan individu pencemar alam sekitar yang membuang sofa ke dalam sebuah longkang dipercayai menjadi punca berlakunya banjir kilat di Kepong, dekat sini petang kelmarin.

Klip video berhubung kejadian tersebut telah dikongsi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi laman Facebook rasmi mereka sejak kelmarin telah ditonton lebih 14,000 kali dan dikongsi 116 pengguna.

Video berdurasi dua minit 16 saat itu memaparkan empat anggota penguat kuasa DBKL bertungkus lumus menarik keluar sofa sepanjang hampir dua meter itu dari longkang tersebut.

Keadaan sofa yang telah ditenggelami air dan terperangkap dalam lubang sempit turut menyukarkan anggota penguat kuasa untuk menariknya keluar.

Bagaimanapun, usaha mereka akhirnya berjaya dan aliran air longkang terbabit kembali lancar.

DBKL menerusi hantarannya di Facebook memaklumkan kejadian tersebut berlaku di Jalan Besar Kepong, dekat sini.

"Banjir kilat dikenal pasti berpunca daripada longkang yang 'dipenuhi' dengan sampah sarap menyebabkan aliran air tersekat.

"Kerana kurangnya sikap tanggungjawab oleh individu tertentu telah menyukarkan kepada orang lain. Di manakah mentaliti *world class*?" jelas DBKL.

Sementara itu, rata-rata netizen berang dengan tindakan individu yang telah membuang sampah dalam longkang terbabit



ANGGOTA DBKL menarik sofa yang tersangkut dalam longkang di Jalan Besar Kepong, Kuala Lumpur kelmarin.

dan menyifatkan mereka manusia yang tidak bertamadun.

Pada masa sama, mereka turut memuji tindakan anggota

penguat kuasa yang bertungkus lumus menarik sofa itu keluar dan mendoakan keselamatan anggota terbabit ketika bertugas.